

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK IMBANGAN PEMBAYARAN MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Lebih Akaun Semasa Malaysia mencapai RM16.7 bilion pada Suku Pertama 2025, didorong oleh eksport bersih barangan

PUTRAJAYA, 16 MEI 2025 – Malaysia merekodkan lebih **Imbangan Akaun Semasa (CAB)** RM16.7 bilion pada suku tahun pertama 2025, bersamaan dengan 3.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh eksport bersih barangan dan defisit yang lebih kecil dalam Pendapatan sekunder. Sementara itu, **Akaun Kewangan** mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM20.3 bilion, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan aliran keluar dalam pelaburan Portfolio, iaitu sebanyak RM48.3 bilion berbanding RM42.0 bilion pada suku sebelumnya. **Pelaburan Langsung Asing (FDI)** merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM15.6 bilion, manakala **Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA)** mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.5 bilion bagi suku tahun tersebut. Statistik ini dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini, sebahagian daripada Statistik **Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa bagi Suku Pertama 2025** yang memperincikan urusan niaga ekonomi Malaysia dengan rakan dagang antarabangsa.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, **lebih Akaun Semasa** pada suku tahun ini, didorong oleh **eksport bersih barangan** yang berjumlah RM38.5 bilion. Eksport barangan mencecah RM283.2 bilion, mewakili penurunan sebanyak 4.0 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Eksport utama barangan dari Malaysia adalah Elektrik dan elektronik, Produk petroleum dan Jentera, kelengkapan & peralatan dengan permintaan tinggi daripada rakan dagang terutamanya Singapura, Amerika Syarikat (USA) dan China. Pada masa yang sama, import barangan menurun sebanyak 5.2 peratus

berbanding suku sebelumnya yang merekodkan RM244.7 bilion. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan import Barangan perantaraan, Barangan modal dan Barangan penggunaan. Sumber utama import bagi Malaysia termasuk China, Singapura dan Taiwan.

Dari segi prestasi **Perkhidmatan**, akaun ini mencatatkan defisit sebanyak RM3.4 bilion berbanding RM1.0 bilion pada suku sebelumnya. Defisit yang semakin melebar disebabkan oleh penerimaan yang lebih rendah dalam Perjalanan dan pembayaran yang lebih tinggi bagi Perkhidmatan perniagaan lain serta Caj penggunaan harta intelek. Eksport perkhidmatan mencatatkan RM63.1 bilion, manakala import merekodkan RM66.5 bilion bagi suku semasa. Perjalanan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport perkhidmatan dengan nilai RM24.5 bilion, menyumbang 38.8 peratus daripada jumlah eksport dalam akaun tersebut. Walau bagaimanapun, Perjalanan mencatatkan lebihan yang sedikit lebih rendah sebanyak RM10.9 bilion berbanding suku sebelumnya disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan pelawat asing. Sementara itu, Pengangkutan pula adalah penyumbang utama bagi Import perkhidmatan dengan menyumbang RM15.8 bilion, terutamanya pembayaran bagi aktiviti logistik.

Bagi akaun pendapatan, **akaun Pendapatan Primer** kekal stabil pada suku pertama 2025 dengan mencatatkan defisit RM17.1 bilion, iaitu perubahan kecil berbanding suku sebelumnya. Defisit ini dipengaruhi oleh pendapatan lebih rendah sebanyak RM16.4 bilion daripada pelaburan Malaysia di luar negeri, susulan pengurangan dalam pembayaran dividen oleh pelabur pada suku tersebut. Pada masa yang sama, Pelaburan asing di Malaysia mencatatkan pendapatan sebanyak RM31.0 bilion, berikutan pengurangan dalam pembayaran dividen. Selain itu, **akaun Pendapatan Sekunder** merekodkan defisit yang lebih kecil RM1.2 bilion berbanding RM5.9 bilion pada suku sebelumnya, didorong oleh peningkatan penerimaan bayaran dari luar negeri.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "**Akaun Kewangan** mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi RM20.3 bilion berbanding RM9.3 bilion pada suku sebelumnya, didorong oleh peningkatan ketara dalam Pelaburan Portfolio. Pelaburan ini merekodkan aliran keluar bersih RM48.3 bilion, meningkat daripada RM42.0 bilion pada suku sebelumnya, yang disumbangkan oleh langganan sekuriti ekuiti asing oleh residen Malaysia. Tambahan pula, Derivatif kewangan beralih arah kepada aliran keluar RM1.7 bilion. Sebaliknya, kedua-dua Pelaburan langsung dan Pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih masing-masing sebanyak RM12.1 bilion dan RM17.6 bilion. Aliran masuk ini disokong oleh suntikan ekuiti

yang lebih tinggi dari luar negeri dalam Pelaburan langsung dan peningkatan aktiviti antara bank oleh institusi kewangan bukan residen di bawah Pelaburan lain.”

Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih RM15.6 bilion pada suku pertama 2025, menurun daripada RM18.7 bilion pada suku sebelumnya. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dalam bentuk Instrumen hutang. Aliran masuk FDI sebahagian besarnya disalurkan ke sektor Perkhidmatan, khususnya dalam subsektor Aktiviti kewangan dan Maklumat & komunikasi, terutamanya berkaitan aktiviti pusat data. Pelabur utama FDI adalah dari Singapura, Hong Kong dan Jerman. Pada masa yang sama, **Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA)** mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah RM3.5 bilion berbanding RM5.2 bilion pada suku keempat 2024. Aliran keluar ini terutamanya dalam bentuk Ekuiti dan saham dana pelaburan yang kebanyakannya disalurkan ke sektor Perkhidmatan, dengan tumpuan utama dalam Aktiviti kewangan. Indonesia, Brunei Darussalam dan Thailand merupakan destinasi utama DIA bagi suku ini.

Sehingga akhir suku pertama 2025, **kedudukan FDI** terkumpul sebanyak RM999.7 bilion, manakala **kedudukan DIA** mencatatkan RM618.9 bilion. Jumlah kedudukan aset kewangan negara bernilai RM2.51 trilion, melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM2.47 trilion. Sehubungan itu, **Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP)** Malaysia merekodkan aset bersih sebanyak RM37.8 bilion. **Rizab antarabangsa** Malaysia berjumlah RM520.7 bilion setakat akhir Mac 2025.

Sebagai tambahan kepada siaran hari ini, DOSM juga akan menerbitkan data semakan Imbangan Akaun Semasa Malaysia bagi tahun 2023 dan 2024 dalam penerbitan suku pertama 2025. Semakan semula ini berpanduan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan menyediakan statistik yang terkini. Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia mencatatkan lebihan RM20.0 bilion bagi tahun 2023 dan RM27.7 bilion bagi tahun 2024. Akaun kewangan bagi kedua-dua tahun tersebut masing-masing mencatatkan aliran keluar sebanyak RM7.1 bilion dan RM4.9 bilion.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1 (a) : Imbangan Akaun Semasa (CAB), 2010-2024




Carta 1 (b) : Imbangan Akaun Semasa (CAB), ST1 2019 – ST1 2025




Carta 2 (a): KDNK dan Peratus CAB kepada KDNK, 2010-2024




Carta 2 (b): KDNK dan Peratus CAB kepada KDNK, ST1 2019 – ST1 2025




Carta 3 (a): Eksport Perkhidmatan, 2010-2024




Carta 3 (b): Eksport Perkhidmatan, ST1 2019 – ST1 2025




Carta 4 (a): Perbelanjaan Pelawat Asing di Malaysia dan Pelawat Malaysia ke Luar Negara, 2010 - 2024




Carta 4 (b): Perbelanjaan Pelawat Asing di Malaysia dan Pelawat Malaysia ke Luar Negara, ST1 2019 – ST1 2025




Carta 5 (a): Aliran dan Kedudukan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA),
2010 – 2024




Carta 5 (b): Aliran dan Kedudukan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA),
ST1 2019 – ST1 2025




Carta 6 (a): Aliran dan Kedudukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, 2010 – 2024




Carta 6 (b): Aliran dan Kedudukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, ST1 2019 – ST1 2025




Paparan 1: Pelaburan Langsung, ST1 2025




Carta 7: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Bersih), 2010 – 2024 dan ST1 2019 – ST1 2025




Carta 8: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Jumlah Aset dan Jumlah Liabiliti), 2010 – 2024 dan ST1 2019 – ST1 2025




Paparan 2: Kedudukan FDI dan DIA Position mengikut Rantau dan Negara Utama, pada akhir ST1 2025



Carta 9: Aset Rizab Antarabangsa (Bersih), 2010 – 2024 dan ST1 2019 – ST1 2025



Carta 10: Aset Rizab Antarabangsa (pada akhir), 2010 – 2024 dan ST1 2019 – ST1 2025



Paparan 3: Imbangan Akaun Semasa mengikut Negara Terpilih

Negara Terpilih	Malaysia (RM bil.) 	Jepun (100 bil. Yen) 	Singapura (\$ bil.) 	China (USD bil.) 	Amerika Syarikat (\$ bil.) 	United Kingdom (£ bil.) 
2022	57.2	114.4	129.3	443.4	-1,012.1	-53.1
2023	20.0	222.2	120.0	263.4	-905.4	-95.1
2024	27.7	293.7	128.3	423.9	-1,133.6	-75.7
ST1 22	4.9	48.9	32.2	96.2	-291.8	-45.7
ST2 22	4.2	23.0	36.4	84.0	-263.1	-23.8
ST3 22	20.2	22.3	34.3	151.5	-230.5	-11.9
ST4 22	28	20.2	26.4	111.7	-226.7	4.1
ST1 23	3.9	25.4	33.0	73.9	-230.3	-25.1
ST2 23	8.2	57.1	31.0	62.5	-232.6	-35.8
ST3 23	7.1	82.2	30.2	68.5	-220.7	-15.1
ST4 23	0.9	57.6	25.9	58.5	-221.8	-19.2
ST1 24	8.7	64.9	33.5	47.2	-242.7	-15.9
ST2 24	4.3	69.0	32.1	55.5	-276.7	-26.3
ST3 24	1.8	89.0	33.9	157.4	-310.3	-12.5
ST4 24	12.9	70.9	28.8	163.8	-303.9	-21.0
ST1 25	16.7	*	*	165.6	*	*

Sumber: Portal rasmi Jabatan Statistik Negara Terpilih

Nota:

*** Kalendar Keluaran Awalan**

Singapura : 26 Mei 2025
 Jepun : 15 Mei 2025
 Amerika Syarikat : 24 Jun 2025
 United Kingdom : 30 Jun 2025

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
 JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA**

16 MEI 2025